

20/03/1999

Fitnah: Ibrahim Ali buat aduan polis

KOTA BHARU, Jumaat - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali, hari ini membuat dua laporan polis berhubung tohmahan dan fitnah terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terkandung dalam pita rakaman dan sebuah majalah keluaran parti pembangkang.

Laporan itu dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di sini, pada jam 2.45 petang bagi membolehkan polis menjalankan siasatan terperinci mengenai suara penceramah termasuk pihak yang bertanggungjawab mencetak dan mengedar pita rakaman kepada orang ramai.

"Saya amat terkejut mendengar isi kandungan dalam pita rakaman yang saya terima dari seorang kawan awal Mac lalu dan kandungannya antara lain ialah arahan membunuh Perdana Menteri di samping pelbagai tohmahan dan fitnah terhadap pemimpin Umno termasuk saya sendiri.

"Atas rasa tanggungjawab sebagai anggota kerajaan dan rakyat biasa, saya terpaksa membuat laporan membabitkan pita rakaman ini kerana jika dibiarkan berterusan ia boleh mengancam keselamatan negara," katanya selepas membuat laporan itu.

Ibrahim yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno turut membuat laporan polis berhubung artikel dalam sebuah majalah terbitan sebuah parti politik yang dikatakan mengandungi artikel tohmahan terhadap Perdana Menteri.

Katanya, artikel yang ditulis seorang pengarang itu mendakwa kononnya di Perhimpunan Agung Umno 1997, Perdana Menteri ada menyatakan wanita bertudung adalah jahat, ulamak bukan pewaris nabi dan kononnya misai dan janggut Nabi Muhammad panjang kerana dulu tidak ada pisau cukur.

(END)